

PM lancar undian SMS pilih Anugerah Duta Belia Negara

UM-17/5/2004: 4

KUALA LUMPUR 16 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meancarkan undian melalui sistem pesanan ringkas (SMS) bagi memilih Anugerah Duta Belia Negara di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, semalam.

Pelancaran tersebut dibuat sempena sambutan Hari Belia Negara 2004 yang merupakan pengiktirafan kerajaan kepada individu cemerlang dalam bidang diceburi.

Undian tersebut merupakan anjuran bersama akhbar sisan *Utusan Malaysia YO!-Rakan Muda*, Virtual Hub Sdn. Bhd., dan Kementerian Belia dan Sukan.

Objektif anugerah itu ialah menggalakkan penyertaan belia dalam semangat Malaysia Boleh dan menjana sokongan kerajaan dengan kerjasama pihak swasta terhadap kerja-kerja pembangunan belia.

Selain itu ia juga menggalakkan para belia bergiat dalam apa jua bidang yang dapat mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Sebanyak 10 bidang diberi keutamaan iaitu sukan dan rekreasi, usahawan, teknologi maklumat, seni dan reka cipta, sains dan teknologi, kerjaya, global dan tani.

Syarat-syarat pencalonan bagi anugerah tersebut ialah calon mesti terdiri daripada mereka yang berusia 15 hingga 40 tahun dan merupakan warganegara Malaysia.

Pencapaian

Selain itu, calon terbabit mempunyai pencapaian dan kejayaan yang diiktiraf oleh kerajaan dan swasta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Tahun lalu, anugerah tersebut dimenangi oleh seorang personaliti dan model, Maznah Zulkifli.

Seramai 17 peserta belia dari lapan kategori akan dipilih memenangi anugerah berprestij itu pada tahun ini.

Calon kategori usahawan ialah Thayalan Nathan manakala kategori sains dan teknologi terdiri daripada Datin Paduka

Sharifah Mazlina Syed Abd. Kadir dan Dr. Zairil Azhar Zaidin@Asmara.

Bagi kategori global pula, calonnya ialah Muhamad Muqharabbin Mokhtarrudin, Ahmad Reduan Rozali dan Sabariah Hamzah.

Kategori seni dan reka cipta ialah Diyana Sharina Sharifuddin, Zainurin Mohamad dan Ahadiat Akashah Khairuddin Akashah, manakala kategori sukan dan cergas ialah Nicole Ann David.

Kategori teknologi maklumat terdiri daripada Rohaimi A. Razak dan Ganesh Kumar Bangah, manakala kategori kerjaya ialah Azman Baharuddin dan Ahmad Fadzli Yaakob.

Calon kategori tani pula ialah Mohamad Nazri Md. Hassan dan Badrulkhisham Mohd. Zaini.

Orang ramai boleh membuat undian melalui SMS menerusi talian 012, 013, 016 dan 019 sehingga Disember ini dan terbuka kepada warganegara yang berusia 15 tahun ke atas.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Menteri Belia dan Sukan, Azalina Othman Said dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohamad Khir Toyo bergambar dengan sebahagian calon Anugerah Duta Belia Negara di gerai sisipan *Utusan Malaysia YO!-Rakan Muda* selepas majlis pelancaran undian melalui SMS bagi memilih penerima anugerah itu di Kuala Lumpur, kelmarin.